

Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1200, Jumaat, 22 Disember 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
OKTOBER 2023

Indeks Pelopor pada Oktober 2023 mencatatkan marginal negatif 0.2 peratus dengan 109.2 mata, memberi isyarat prospek pertumbuhan yang sederhana

PUTRAJAYA, 22 Disember 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi Oktober 2023**. Indeks Pelopor (IP) memberi petunjuk awal tentang titik perubahan yang ketara dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks Pelopor Oktober 2023 mengekalkan pertumbuhan tahunannya pada kadar negatif 0.2 peratus dengan mencatatkan 109.2 mata berbanding 109.4 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Paparan I**). Penurunan ini disebabkan oleh penguncutan dalam Import Benar Semi Konduktor (-33.6%), yang menyaksikan prestasi negatif selama 10 bulan berturut-turut. Sebaliknya, terdapat peningkatan dalam Bilangan Unit Kediaman Yang Diluluskan Pembinaan (40.0%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (23.4%). Melihat kepada prestasi bulanan, IP menyusut kepada negatif 0.2 peratus berbanding negatif 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (0.5%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (0.3%). Namun begitu, penyusutan dalam Import Benar Semi Konduktor (-1.0%) memberi kesan kepada pertumbuhan keseluruhan".

Kadar pertumbuhan IP terlicin bagi Oktober 2023 kekal di bawah trend 100.0 mata, menjangkakan prospek pertumbuhan yang sederhana, disokong oleh penggunaan

swasta yang mampan dan landskap pasaran buruh yang memberangsangkan (**Paparan II**).

Berhubung keadaan ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mengekalkan pertumbuhan positifnya sejak September 2021 dengan mencatatkan 124.1 mata, meningkat 2.9 peratus berbanding 120.6 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini disumbangkan oleh kesemua komponen terutamanya Nilai Caruman Benar, KWSP (17.1%). Pada masa yang sama, perubahan bulanan IS mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus, disokong oleh semua komponen kecuali Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (-0.3%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 DISEMBER 2023**

LAMPIRAN I


Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Friday, December 22, 2023



**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES
OCTOBER 2023**

The Leading Index in October 2023 recorded a marginal negative 0.2 per cent with 109.2 points, signalling a modest growth outlook

PUTRAJAYA, December 22, 2023 - Today, the Department of Statistics Malaysia released the **Malaysian Economic Indicators: Leading, Coincident & Lagging Indexes for October 2023**. The Leading Index (LI) provides an early indication of significant turning points in the business cycle and the direction of the economy in the near term.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The Leading Index for October 2023 maintained its annual growth at negative 0.2 per cent by recording 109.2 points as compared to 109.4 points in the same month of the preceding year (**Exhibit I**). The decline was due to the contraction in the Real Imports of Semi Conductor (-33.6%), which demonstrated negative performance for 10 consecutive months. Conversely, there were increases in the Number of Housing Units Approved (40.0%) and Number of New Companies Registered (23.4%). Looking at the monthly performance, the decline in LI narrowed to negative 0.2 per cent as against a negative 0.3 per cent in the previous month. This better performance was fuelled by the Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals (0.5%) and Number of New Companies Registered (0.3%). Nevertheless, the decline in Real Imports of Semi Conductors (-1.0%) affected the overall growth".

*The smoothed growth rate of the LI for October 2023 remained below the 100.0 points trend anticipating a modest growth prospect, bolstered by the promising private consumption and encouraging labour market landscape (**Exhibit II**).*

In view of the current economic situation, the Coincident Index (CI) continued its positive growth since September 2021 by registering 124.1 points, rose by 2.9 per cent as compared to 120.6 points in the same month of the previous year. This performance was contributed by all components, mainly the Real Contributions, EPF (17.1%). Simultaneously, the CI monthly change registered an increase of 0.3 per cent, supported by all components except the Volume Index of Retail Trade (-0.3%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
DECEMBER 22, 2023**

APPENDIX I

Exhibit I: Leading Composite Index




Exhibit II: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle




Exhibit III: Annual Changes of Leading Index Components

